

13 FEB 2003

MINT-NAM/I

ROYAL MINT MAHU PROMOSIKAN PRODUK, KEMAHIRAN KETIKA SIDANG NAM

Oleh: Leslean Arshad

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Pengeluar tunggal syiling dan medalion negara, The Royal Mint of Malaysia, berhasrat untuk mempromosikan produk dan kemahirannya ketika Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali.

"Kami mahu menjual keupayaan Royal Mint," kata pengarah jualan dan pemasaran korporat syarikat itu, Hashmiah Hashim, kepada Bernama baru-baru ini.

Sempena sidang NAM yang dianggotai 114 negara, yang akan diadakan pada 20-25 Feb. ini di sini, Royal Mint mengeluarkan syiling peringatan emas, perak dan Nordic.

Di ketiga-tiga jenis syiling itu, tertera lambang rasmi Sidang Kemuncak NAM Ke-13 di sebelah hadapan, dan Bangunan Parlimen serta bintang dan bulan sabit di sebelah belakang.

Syiling berkenaan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 6 Feb. lepas, bersama-sama setem peringatan dan sampul hari pertama serta buku mengenai Program Kerjasama Tekninal Malaysia.

Hashmiah berkata syiling peringatan NAM merupakan syiling peringatan pertama yang dikeluarkan oleh Royal Mint tahun ini.

Syarikat itu juga merancang untuk mengeluarkan syiling bagi memperingati Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA) yang akan diadakan tahun ini.

Syarikat itu juga bersedia melayan mereka yang berminat untuk mengetahui tentang pendedaran syiling, syiling peringatan dan medalion. --  
BERNAMA

LES KTC JR